

26 JUN 1998

KLIA-previu

PENDARATAN BOEING 777 SUPER RANGER MAS TANDA MEMULAKAN OPERASI KLIA

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang yang akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar esok akan menyaksikan pendaratan pertama yang simbolik oleh pesawat Boeing 777 MAS.

Pendaratan bersejarah oleh pesawat B777 Super Ranger itu yang membawa 150 penduduk kampung dari Sepang akan disaksikan oleh Tuanku Ja'afar, Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota-anggota Kabinet serta kira-kira 1,400 tetamu yang dijemput pada upacara pembukaan di lapangan terbang itu, kira-kira 50km selatan dari sini.

Upacara dua jam itu juga akan disaksikan oleh seluruh negara melalui siaran langsung RTM mulai pukul 8.30 pagi. Ia juga akan disiarkan oleh saluran lain termasuk "Suara Malaysia" yang boleh diterima di Indonesia, Thailand, Myanmar dan juga negara-negara Arab.

Dr Mahathir dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik masing-masing akan menyampaikan ucapan sebelum Tuanku Ja'afar merasmikan lapangan terbang itu yang akan beroperasi sepenuhnya pada hari Selasa ini.

Upacara itu akan diadakan di piazza terbuka di depan bangunan terminal utama dan di sebelah pentangnya satu pertunjukan bunga api dan laser akan diadakan.

Lapangan terbang berharga RM10.5 bilion itu yang dilengkapi dengan kemudahan tercanggih disiapkan dalam tempoh 36 bulan, satu tempoh pembinaan tertinggi dalam dunia.

Projek itu diuruskan oleh KL International Airport Bhd (KLIAB). pada kemuncaknya, kira-kira 25,000 pekerja terlibat dengan pembinaannya di atas kawasan seluas 10,000 hektar, bekas kawasan ladang getah dan kelapa sawit.

KLIA ialah sebahagian daripada Koridor Raya Multimedia (MSC), pusat teknologi maklumat khusus untuk pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Ia akan menggantikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz (SAAS) sebagai pintu masuk utama ke Malaysia.

SAAS akan ditutup pada pukul 12.45 pagi hari Selasa dalam satu upacara ringkas. Ia juga menandakan pemindahan terakhir peralatan ke KLIA yang akan mula beroperasi pada pukul 7 pagi.

Dr Mahathir akan menyaksi konvoi pemindahan antara kedua-dua lapangan terbang itu sebelum menaiki pesawat pertama yang akan terbang keluar dari KLIA, sebuah penerbangan domestik ke Langkawi pada pukul 7 pagi.

Sementara MAS akan memindahkan keseluruhan operasinya ke KLIA, beberapa syarikat penerbangan tempatan akan terus menggunakan SAAS untuk laluan domestik.

KLIA mempunyai kapasiti untuk menguruskan 25 juta penumpang, dua kali ganda dari SAAS, dan 1 juta tan kargo setahun. Di bawah fasa pembangunan akan datang, KLIA akan akhirnya menguruskan 100 penumpang.

--BERNAMA

RAZ WAT